

# Artifak-artifak Melayu

## Galeri Rempah-ratus 1, Tingkat 2

Seawal 500 tahun dahulu, Eropah menjajah Asia demi mencari rempah. Pada 1819, Singapura diisytiharkan sebagai pelabuhan bebas cukai (entrepôt) oleh pihak British. Ia terletak di simpang jalan laluan kapal dan mula menarik perhatian banyak kapal China, Indonesia, Arab dan India. Kebanyakan pendatang ini kemudian menetap di Singapura. Setem-setem ini menunjukkan makanan dan minuman tempatan yang mewakili masyarakat di sini seperti Kayu Manis dan Teh,



**Rempah-ratus Singapura (2011)** – Imej ihsan Muzium Filateli Singapura, Lembaga Warisan Negara

Kunyit dan Kari Ikan daripada masyarakat India, Ketumbar dan Sate daripada masyarakat Melayu, Bunga Lawang dan Itik Tumis Reneh daripada masyarakat Cina, Asam Jawa dan Udang Asam daripada masyarakat Perana-

## Galeri Perintis

Gendang ini antara alat kumpulan nobat yang merupakan sebahagian istiadat diraja. Persembahan nobat hanya dipentaskan dalam majlis tertentu seperti majlis pertabalan sultan. Peralatan nobat dibalut kain kuning warna diraja dan alunan muzik tradisional kemudian dimainkan mengiringi ketibaan Sultan.

**Gendang nekara (Sekitar abad ke-19, Koleksi Taman Warisan Melayu)** – Imej ihsan, Taman Warisan Melayu, Lembaga Warisan Negara



## Galeri Nyonya, Tingkat 3

**Kebaya Berwarna Biru Langit (Singapura atau Malaysia Pertengahan kurun ke-20)** – Imej ihsan, Muzium Peranakan, Lembaga Warisan Negara

Kebaya dikatakan telah dipakai buat kali pertamanya oleh wanita Indo-Belanda pada akhir abad ke-19. Kebaya juga telah dikaitkan dengan kebaya Portugis iaitu sejenis blaus berenda. Menjelang tahun 1940an, mesin jahit putaran tangan menjadi semakin popular dan digunakan untuk menghasilkan sulaman. Sejak itu, sulaman dilihat sebagai ciri istimewa kebaya.



## Galeri Kesenian (Bangsawan & Filem)

Perkembangan industri filem Melayu tempatan boleh dibahagikan kepada dua tahap – yang pertama pada lewat 1930-an sehingga zaman penjajahan Jepun, diikuti pula zaman kegemilangan filem Melayu selepas Perang Dunia Kedua. Filem Melayu paling awal ialah saduran kisah bangsawan terkenal, Laila Majnun (juga padanan kisah cinta Indo-Parsi), yang dikeluarkan pada

1933. Ia diarahkan sutradara berbangsa India, B. S. Rajhans, dan dihasilkan Motilal Chemical Company of Bombay yang berpangkalan di Singapura.

**Kamera jenama Mitchell Model NC (1956)**– Imej ihsan, Taman Warisan Melayu, Lembaga Warisan Negara



**Suasana ronggeng (E.Schlitter 1858 Cat air)** – Imej ihsan, Muzium Nasional Singapura, Lembaga Warisan Negara



## Galeri Sejarah Singapura, Bahagian Penempatan

Gambar ini mungkin menunjukkan tarian ronggeng yang sedang berlangsung dalam sebuah rumah atap. Terdapat ramai penonton, termasuk seorang lelaki Cina yang memakai topi rotan menyaksikan tarian ini. Gambar ini menunjukkan sekilas imej hiburan Melayu atau Jawa di Singapura pada pertengahan abad ke-19.